

09/08/1999

NITC promosi MSC di pameran Multimedia Asia 1999

KUALA LUMPUR, Ahad - Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) Malaysia, akan menganjurkan pameran dan persidangan Multimedia Asia 1999 (MMA'99) untuk dijadikan landasan mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Setiausaha Tetap NITC, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata tema yang dipilih kali ini ialah Penjajaran Semula Untuk Ekonomi Baru, iaitu penerokaan cara baru dan menilai ekonomi yang bakal dipacu oleh pengetahuan pada abad ke-21 nanti.

MMA'99 dianjurkan bersama oleh Mimos Berhad, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Protemp Exhibitions Sdn Bhd, akan dilangsungkan di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (MINES) Kuala Lumpur dari 22 hingga 23 September depan.

"Dalam masa yang sama MMA'99 akan mengadakan `Virtual Commonwealth II' (VC II), dialog antarabangsa antara ketua-ketua negara Komanwel menggunakan teknologi telepersidangan tercanggih," kata Tengku Azzman selepas merasmikan logo baru MMA 99, di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama dalam sesi dialog antarabangsa itu.

Selain persidangan, beberapa siri bengkel akan diadakan yang akan membincangkan beberapa isu cabaran syarikat berstatus MSC dan perkembangan mereka dalam melaksanakan aplikasi-aplikasi perdana MSC.

Bermula dengan Multimedia Malaysia 95, persidangan dan pameran yang sudah berusia lima tahun itu akan terus menjadi titik pertemuan pengamal multimedia tempatan dan antarabangsa untuk memberi input kepada MSC.

Ia juga akan menjadi arena perbincangan pelbagai isu yang timbul kesan daripada revolusi maklumat kepada ekonomi.

Persidangan kali ini dijangka mendapat sambutan menggalakkan di kalangan masyarakat IT dengan kehadiran beberapa tokoh IT untuk memberi ceramah serta melahirkan pendapat selari dengan industri terbabit.

Pihak penganjur menganggarkan peserta persidangan kali ini meningkat lebih dua kali ganda berbanding hanya kira-kira 250 orang, tahun lalu.

Tahun lalu, krisis ekonomi menyebabkan banyak syarikat dan individu berhati-hati membuat keputusan mengenai perbelanjaan.

(END)